

SISTEM MAKLUMAT TANAH UNTUK BAHAGIAN PERANCANG
MAJLIS PERBANDARAN KLANG
MENGUNAKAN PERISIAN MAPINFO

Disampaikan kepada Jabatan Ukur Tanah
sebagai memenuhi salah satu syarat penerimaan
Diploma Lanjutan Ukur Tanah, Institut Teknologi Mara.

oleh,

Nasli Bin Mohamed Salleh

JABATAN UKUR TANAH
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM 40450
SELANGOR DARUL EHSAN

NOVEMBER 1991

PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Penasihat tesis, Encik Mohd Zamani Zainal Abiden. Dengan tunjuk ajar dan inisiatif dari beliau maka tesis ini dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Juga diucapkan terima kasih kepada Encik Wan Mohd Naim pensyarah Jabatan Ukur Tanah, Encik Zailani dan Puan Noraini pegawai di Jabatan Perancang Majlis Perbandaran Klang atas bantuan yang diberikan dalam usaha untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali diucapkan ribuan terima kasih kepada Ibu dan Baba penulis atas sokongan yang telah diberikan, juga kepada semua yang terlibat dalam memberikan bantuan yang tidak ternilai dan semoga jasa baik dan kerjasama saudara sekalian sentiasa dalam ingatan saya.

Sekian.

Nasli bin mohamed Sallah
Institut Teknologi Mara
Shah Alam , Selangor
November 1991.

ABSTRAK

Pengujian pengkalan data dalam Sistem Maklumat Tanah (SMT) Majlis Perbandaran Klang (MPK) memerlukan kajian awal dan model yang sesuai. Pengujian SMT ini hendaklah bersesuaian dengan maklumat yang diperlukan serta peralatan komputer.

Penulis mencadangkan satu model konsep yang dapat digunakan oleh Bahagian Perancang yang mengandungi maklumat Topografi, Gunatanah, Pemilikan dan Kadaster.

Peralatan komputer yang telah digunakan untuk menguji kesesuaian data-data dari MPK ini adalah Perisian Mapinfo, Komputer Hawlett Packard, alat pendigit Calcomp, pencetak Epson LQ-800 dan alat pelot HP-7875.

Gabungan peralatan dan usaha penulis, maka terhasillah satu model Sistem Maklumat Tanah untuk bahagian perancang, Majlis Perbandaran Klang.

KANDUNGAN	Muka Surat	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Sistem Maklumat Tanah dan Geografi	2
1.1.1	Definasi Sistem Maklumat Tanah (SMT)	2
1.1.2	Definasi Sistem Maklumat Geografi (SMG)	3
1.1.3	Perbezaan Diantara SMT & SMG	4
1.2	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	6
1.2.1	Objektif Penubuhan Majlis	7
1.2.2	Pengurusan Majlis	7
1.2.3	Kegunaan Tanah	9
1.2.4	Strategi MPK dalam mencapai Objektif	10
1.3	MAPINFO	11
1.3.1	Penggunaan Mapinfo bagi MPK	13
1.3.2	Kelebihan Mapinfo	13
2.0	BAHAGIAN PERANCANG (MPK)	14
2.1	FUNGSI JABATAN PERANCANG BANDAR	14
2.2	STRATEGI JABATAN	16
2.3	PERANCANGAN BAGI MPK	16
2.3.1	Carta Tukar Syarat	19
2.3.2	Carta Aliran Cadangan	22
2.4	MODEL KONSEP	26
2.5	RANGKAIAN SUBSISTEM	30
2.5.1	Subsistem Topografi	30
2.5.2	Subsistem Gunatanah	30
2.5.3	Subsistem Pemilikan	31
2.5.4	Subsistem Kadester	31

1.0. PENDAHULUAN

Objektif tesis adalah untuk ;

- i. Menghasilkan satu model gunatanah bagi projek Majlis Perbandaran Klang (MPK).
- ii. Menguji kesesuaian pekej MapInfo dalam menggunakan data-data dari MPK

Ia melibatkan tiga perkara pokok iaitu Sistem Maklumat Tanah dan Geografi, Majlis Perbandaran Klang dan Perisian Mapinfo. Ketiga-tiga perkara tersebut adalah saling berkaitan dan penerangan secara terperinci perlu dijelaskan .

Sistem Maklumat Tanah (SMT) adalah salah satu teknologi baru yang kerap diperbincangkan dibidang Ukur Tanah, Pengurusan tanah dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya.

Oleh kerana Sistem Maklumat Tanah berhubung rapat dengan peta dan komputer , ia selalu dikelirukan dengan Sistem Pemetaan bantuan komputer , yang mana kefungsiannya tidak pula mencerminkan kefungsiannya SMT yang sepatutnya.